



**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

TEKS UCAPAN

**YB DATUK ARTHUR JOSEPH KURUP
TIMBALAN MENTERI PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

MAJLIS IFTAR RAMADAN AGROBANK 2024

**23 MAC 2024 (SABTU) | 5.10 PETANG
MASJID AR RAUDAH, PEKAN SOOK**

Saudara Pengacara Majlis,

(SALUTASI AKAN DIKEMASKINI)

**SELAMAT PETANG, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM
MALAYSIA MADANI**

1. Terlebih dahulu, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kerana pada malam ini, kita dapat berkumpul berkongsi keberkatan Ramadan dalam Majlis Iftar Ramadan 2024 anjuran Agrobank.
2. Tujuan utama penganjuran program ini adalah untuk kita berkongsi rezeki dan meraikan rakan-rakan kita dari kawasan sekitar Keningau, Sook dan Nabawan bersempena bulan Ramadan dan Syawal yang menjelang tiba.
3. Dikesempatan ini, saya merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada AgroBank, JHEINS Sook, pihak Pengurusan Masjid Ar Raudah dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

Hadirin yang dihormati,

PROGRAM IFTAR RAMADAN AGROBANK

4. Seajar dengan aspirasi kerajaan dalam mencapai keterangkuman sosial (social inclusvity), Agrobank komited untuk memastikan setiap lapisan masyarakat dapat menikmati keraian yang dianjurkan serta mendapat bantuan yang sewajarnya untuk

meneruskan kelangsungan hidup. Tidak dinafikan bahawa usaha Agrobank dalam melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menjaga kebajikan sosial bukan lagi perkara yang asing.

5. Majlis iftar pada hari ini merupakan manifestasi tanggungjawab sosial korporat daripada pihak Agrobank untuk membantu golongan yang memerlukan dalam masa yang sama mengeratkan tali persaudaraan sesama umat Islam.
6. Bersempena Ramadan pada tahun ini, pihak Agrobank telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM120 ribu bagi program-program pembangunan masyarakat tani yang layak di seluruh negara. Pada hari ini sahaja, Agrobank akan menyerahkan sumbangan bantuan kewangan dan kotak makanan kepada lebih kurang 300 orang penerima.
7. Saya berharap agar sumbangan yang akan diagihkan sebentar lagi sedikit sebanyak akan dapat meringankan beban para penerima dalam menjalani ibadah puasa di samping membantu memeriahkan persiapan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Hadirin yang dihormati,

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

8. Hasrat murni untuk menjaga kebajikan masyarakat adalah satu amanah yang besar dan tanggungjawab ini perlu digalas bersama-sama untuk mencapai kesejahteraan masyarakat seterusnya mengecapi pembangunan negara selaras dengan konsep 'Ihsan' yang menjadi salah satu tonggak dalam Malaysia MADANI.

9. Jesteru itu, bagi memastikan setiap rakyat terbela dan tiada individu yang ketinggalan, kerajaan sentiasa berganding bahu bersama-sama sektor korporat untuk menghulurkan pelbagai bentuk bantuan termasuk kewangan dan barangan.
10. Dalam konteks ini, Agrobank turut memainkan peranan yang proaktif dalam melaksanakan pelbagai tanggungjawab sosial korporat yang menyumbang kepada pembangunan sosial ekonomi masyarakat.
11. Sepanjang tahun 2023, Agrobank telah menjayakan sebanyak 16 program CSR di seluruh negara merangkumi antara lain program kembali ke sekolah, sumbangan bakul makanan dan pelbagai lagi dengan peruntukan sebanyak RM655 ribu.
12. Dikesempatan ini juga, saya turut menyeru sektor korporat untuk mempergiatkan lagi usaha menganjurkan program-program yang dapat menyumbang kepada pembangunan sosial dalam masyarakat terutamanya ke kawasan di luar bandar dan pedalaman. Sesungguhnya pendekatan usaha bersepadu atau 'whole of society approach' perlu digiatkan bagi menyumbang kepada program kemasyarakatan, terutamanya program pembasmian kemiskinan.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

MESIN ATM AGROBANK DI SOOK

13. Sebagai Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Ahli Parlimen Pensiangan, saya memberikan sepenuh komitmen untuk membawa pelbagai inisiatif di bawah KPKM bagi memperkasakan lagi sektor pertanian dan sosial ekonomi masyarakat di kawasan pedalaman.
14. Di sepanjang awal tahun 2024, saya telah membawa beberapa program dan inisiatif khususnya di bawah KPKM dan agensi kepada masyarakat di Daerah Kecil Sook. Antaranya termasuklah Sambutan Tahun Baharu Cina di SJK (C) Cheng Ming, Kempen Cashless di Tamu Sook yang memberikan pendedahan kepada kaedah pembayaran melalui kod QR, Penyerahan Bantuan Khas Sumbangan Tunai (BKST2024) dan Jualan Agro Madani Mega di Pekan Sook.
15. Terbaharu, saya telah berbincang dengan pihak Agrobank dan hasil daripada perbincangan tersebut, pihak Agrobank bersetuju untuk memasang kemudahan mesin ATM Agrobank di Pekan Sook. Melalui inisiatif ini tuan-tuan dan puan-puan yang mempunyai akaun Agrobank tidak perlu pergi jauh ke Nabawan ataupun ke Pekan Keningau dan sebaliknya hanya perlu ke pekan Sook untuk melakukan transaksi perbankan.
16. Saya percaya inisiatif ini disambut baik oleh penduduk di daerah kecil Sook dan yang paling penting dengan adanya mesin ATM

Agrobank di Pekan Sook secara tidak langsung akan merancarkan kitaran ekonomi setempat.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

PENUTUP

17. Besarlah harapan saya, melalui program iftar yang kita laksanakan pada hari ini bukan sahaja akan dapat perkukuhkan hubungan sirratulrahim sesama umat Islam malahan mengeratkan hubungan merentasi budaya, agama dan bangsa.
18. Buat para hadirin yang ada di sini, saya mendoakan agar tuan-tuan dan puan-puan dikurniakan keafiatan dan kekuatan untuk terus menjalani ibadah puasa dengan sempurna. Semoga bulan istimewa ini menjadi sebagai inspirasi untuk membawa perubahan positif dalam kehidupan kita dan kehidupan orang lain.
19. Sebelum akhiri ucapan pada hari ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada Agrobank di atas usaha untuk menyalurkan bantuan kepada komuniti tempatan. "Kecil tapak tangan, nyiur kami tadahkan"
20. Semoga usaha seumpama ini akan dijayakan lagi pada masa hadapan agar penyaluran bantuan kepada golongan yang memerlukan akan berterusan.

Sekian dan terima kasih.